

Pas pengamal hipokrasi tahap tertinggi — Rafidah

UM 23 JUN 2003

SELAYANG 22 JUN — Pas merupakan pengamal hipokrasi tahap tertinggi yang mampu memecahbelahkan hubungan baik masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara ini.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO Datuk Seri Ratidah Aziz berkata, usaha perlu dilakukan bagi menenangkan kepada masyarakat Melayu dan bukan Melayu bahawa Pas bukan parti yang memperjuangkan Islam sebaliknya mereka menyongsangkan fahaman Islam serta mengkhianati Islam. -

“Bila pujuk orang Melayu mereka gunakan Islam dengan menghina orang kafir, dengan bukan Islam pula Pas ada ‘gula-gulanya’ (strategi) sendiri untuk memenangi hati mereka.

“Pada masa yang sama mereka terus berusaha untuk memutuskan hubungan sesama Islam dan di antara Islam dengan bukan Islam. Inilah pengamal hipokrasi tahap tertinggi di negara ini,” katanya.

Beliau yang ditemui pada Majlis Hari Keluarga agensi-agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata demikian ketika diminta mengulas ucapan penggulungan Presiden UMNO Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sempena Perhimpunan Agung UMNO yang berakhir semalam.

Tambahnya, dasar Pas yang tidak mahu bersekutu dengan parti bukan Islam secara jelas menunjukkan 40 peratus (bukan Islam) daripada rakyat negara ini tidak masuk dalam senarai rakan parti itu.

Justeru katanya, parti tersebut perlu dimusnahkan terus demi kebaikan agama, bangsa dan negara.

Selain itu katanya, ucapan penggulungan Dr. Mahathir yang diakhiri dengan pantun berjaya mententeramkan keadaan walaupun perasaan sedih menyelubungi setiap ahli UMNO pada persidangan tersebut.

“Saya sangat gembira dengan ucapan penggulungan Presiden yang

dibuat begitu caranya sungguhpun semua sedih tetapi tidak meluap emosi terutama dengan cara dia berpantun kerana pantun itulah yang mententeramkan keadaan,” ujarnya.

Malah katanya, proses peralihan kuasa juga dapat diterima dengan baik oleh semua perwakilan dan ahli sekaligus membuktikan UMNO semakin gagah.

Sementara itu katanya, pesanan pemimpin besar negara itu juga merupakan ingatan kepada golongan muda dan mereka perlu gigih bagi menjaga warisan Dr. Mahathir.

“Dulu pemimpin lama berpesan kepada golongan muda termasuk saya, masa depan dalam tangan kamu. Sekarang kami pula nak pesan supaya golongan muda lebih gigih memperjuangkan masa depan negara,” jelasnya.